



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**  
**TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN**  
**MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**SEMPENA**  
**MAJLIS PERTUKARAN MEMORANDUM PERJANJIAN**  
**ANTARA KEMAS DAN YAYASAN PAHANG BAGI**  
**MELAKSANAKAN PROGRAM TABIKA PRA TAHFIZ**  
**KEMAS**

**TARIKH/MASA**  
**7 NOVEMBER 2023 (SELASA)**  
**MASA KETIBAAN: 10.45 PAGI**

**LOKASI**  
**PUSAT KEGIATAN MASYARAKAT KEMAS**  
**KAMPUNG SERI BATU KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Mengadap, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.

2. Patik mohon limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku, untuk patik menyampaikan sepatah dua kata, di dalam **Majlis Pertukaran Memorandum Antara Kemas Dan Yayasan Pahang Bagi Melaksanakan Program Tabika Pra Tahfiz KEMAS** di Pusat Kegiatan Masyarakat KEMAS Kampung Seri Batu, Kuala Lumpur pada hari yang bersejarah ini.
3. Sesungguhnya, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku, jelas menyerlahkan betapa mekar dan bersemaraknya kasih sayang dan sifat keprihatinan seorang Raja terhadap hal ehwal rakyat jelata di negara ini.

Ampun Tuanku,

4. Sepertimana yang kita maklum, Al-Quran telah diturunkan oleh Allah Subhanahu Wataala sebagai **sumber perundangan Islam** dan turut **merangkumi pelbagai jenis ilmu untuk di-manfaatkan di dalam kehidupan dunia dan akhirat.**
5. Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Israq; Ayat 9; yang bermaksud:

**“Sesungguhnya Al-Quran ini memberikan petunjuk ke jalan yang amat betul (Agama Islam) dan memberikan berita yang menggembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh; bahawa mereka beroleh pahala yang besar.”**
6. Justeru, umat Islam hendaklah sentiasa berusaha untuk membaca, mengkaji dan memelihara kitab suci ini sebagai manual kehidupan dan petunjuk ke jalan yang sebaik-baiknya. Salah satu cara bagi mencapai objektif tersebut adalah menerusi penghafalan Al-Quran.

Ampun Tuanku,

7. Hakikatnya, KKDW melalui KEMAS mempunyai Modul Penghayatan Pendidikan Islam (PPI) yang tersedia berfokuskan aspek al-Quran dan Ibadah yang dilaksanakan di TABIKA KEMAS sejak 2017. Maka, bertepatanlah pelaksanaan **Modul Pra Tahfiz di TABIKA KEMAS diteruskan hasil penambahbaikan dan kesinambungan** dari kurikulum sedia ada dengan memberi nilai tambah kepada aspek al-Quran.
8. Ternyata, Pendidikan Al-Quran merupakan teras utama dalam kejayaan kanak-kanak yang beragama Islam selain daripada kemahiran sedia ada yang diperlukan.
9. Patik menyembah bahawa, pertukaran memorandum ini menyaksikan terbentuknya kerjasama antara KEMAS dan Yayasan Pahang yang mempunyai intipati antaranya melibatkan penggunaan Modul Hafazan TADIKA Tahfiz Negeri Pahang (TTNP), khidmat nasihat, perakuan Sijil Kompetensi kepada para pengajar, perakuan Sijil Tamat Modul kepada pelajar TABIKA KEMAS, penubuhan Jawatankuasa Pemantauan KEMAS-Yayasan Pahang, dan penyediaan tenaga pengajar.

- 10. Kerjasama ini turut melibatkan Yayasan Pinta dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang membantu dalam memberikan latihan kemahiran asas al-Quran seperti tajwid dan mahraj kepada Pendidik TABIKA KEMAS secara berkala di peringkat Parlimen atau Negeri seluruh Malaysia serta latihan pedagogi kepada para pendidik berkaitan penggunaan Modul Ulul Albab semasa proses pengajaran dan pembelajaran di TABIKA berdasarkan tiga komponen utama yang menjadi tunjang kepada Program Ulul Albab iaitu Quranik, eksiklopedia dan ijtihadik.**
- 11. Selain itu, Program Training of Trainers (ToT) kepada Pendidik Masyarakat TABIKA KEMAS turut dirangka meliputi Kursus Modul Hafazan bersama Yayasan Pahang, Kursus Dalam Cuti bagi saringan dan kemahiran asas al-Quran bersama Yayasan Pinta, dan Kursus Lanjutan Kemahiran al-Quran secara berterusan bersama Yayasan Pinta.**
- 12. Melalui pelan tindakan mulai 2024 hingga 2026 bagi melaksanakan kursus-kursus ini, dijangka menjelang tahun 2026, sebanyak 9,500 orang Pendidik Masyarakat TABIKA KEMAS akan diberikan pendedahan tentang Modul Hafazan Tadika Tahfiz Negeri Pahang oleh Yayasan Pahang dan**

menerima kursus asas serta lanjutan kemahiran al-Quran oleh Yayasan Pinta.

Ampun Tuanku,

13. Patik ingin berkongsi, Ahli Al-Quran dan Penghafaz Al-Quran seperti yang diketahui bukan sahaja diberi keistimewaan oleh Allah Subhanahu Wataala semasa di dunia, malahan akan turut diberi kelebihan di akhirat kelak.
14. Namun jika di lihat dari sudut yang lebih luas, pembentukan umat penghafaz al-quran boleh membawa **impak kepada pembangunan modal insan serta kesejahteraan umat Islam** keseluruhannya.
15. Modal Insan Islam yang sewajarnya kita lahirkan hendaklah juga berupaya menguasai pelbagai ilmu dengan baik, melalui **integrasi modal insan yang memiliki kepelbagaian ilmu dan boleh pula menghafaz al-quran**.
16. Patik percaya dengan wujudnya **Modul Pra Tahfiz di TABIKA KEMAS sekurangnya** akan lahirlah “**generasi cilik Al-Quran**” akan datang yang berupaya membela ugama, berbakti kepada bangsa dan membawa rahmat kepada sekalian ummah. **Kemuncaknya akan lahirlah**

**tamadun Islam yang unggul.**

17. Patik menyembah maklum, umat Islam perlu menyedari bahawa untuk berteduh di bawah payung rahmat Allah Subhanahu Wataala, kita hendaklah terlebih dahulu memperbaiki diri, bersatu serta bersepakat dalam menegakkan hukum Allah Subhanahu Wataala.
18. Menyedari hakikat ini, **patik selaku wakil KKDw, mengambil inisiatif untuk mewujudkan program TABIKA Pra Tahfiz KEMAS** dan merupakan salah satu Hala Tuju Strategik (HATS) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) tahun 2023 dalam **Membangun Modal Insan Desa Secara Komprehensif bagi memperkasakan Pendidikan Al-Quran kepada kanak-kanak seawal usia.**

**Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun,**

19. Pengisian Modul Pra Tahfiz KEMAS merujuk sepenuhnya Modul Hafazan TADIKA Tahfiz Negeri Pahang dengan **teknik hafazan dan kaedah pembelajaran secara fun learning** dan bagi surah-surah dalam juzu' amma dan surah pilihan (Juzuk 30)'dengan Bacaan (Qiraat) Adab dan Tadabbur.

20. Patik dengan penuh hormat takzimnya menyembah maklum, peruntukan sebanyak **RM20** juta seperti yang telah dibentangkan oleh **YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim menerusi belanjawan 2024** bagi pelaksanaan Program Pra Tahfiz KEMAS dalam komponen Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-Kanak.
21. Modul Pra Tahfiz TABIKA KEMAS ini mensasarkan penglibatan sebanyak **sekurang-kurangnya 1,500 orang kanak-kanak** yang mampu membaca dan menghafaz sehingga **Surah Ad-Dhuha** serta bersedia masuk ke Tahun Satu menjelang akhir sesi persekolahan 2023.
22. Dengan ini patik menyembah maklum, **menjelang 2026, KEMAS akan melahirkan huffaz cilik seramai 100,000 kanak-kanak. Insya Allah.**

**Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun,**

23. Patik memohon limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku, untuk patik mengalu-alukan kehadiran tetamu-tetamu jemputan pada hari ini.
- Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang;

- Yang Berhormat Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang,  
Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah;
- Berbahagia Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun,  
Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan  
Wilayah;
- YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd Soffi bin Tan Sri Abd. Razak  
Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi Dan  
Pendidikan Negeri Pahang
- Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed  
Ahmad,  
Exco Hal Ehwal Agama Islam, Kemajuan Desa Dan Hal  
Ehwal Orang Asli Negeri Pahang;
- Yang Hormat Dato' Dr. Hj Ahmad Munawar bin Hj Abdul  
Jalil  
Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Pahang;
- Yang Berbahagia Datuk Ahmad Kamal Idris bin Mohd  
Nawawi;  
Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat  
(KEMAS), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah;

- Ketua-ketuan Agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pahang dan Yayasan Pahang; dan
- Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Ampun Tuanku,

24. Patik pacal-pacal sekalian akan terus istiqamah dan melafazkan ikrar taat setia bagi menjunjung segala titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku, bagi memastikan kemakmuran dan kesejahteraan negara ini akan terus dipertahan dan dipelihara dengan sebaik-baiknya.
25. Patik sekali lagi merafak sembah dan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku yang sudi berangkat bercemar duli bagi menyempurnakan Majlis Pertukaran Memorandum Perjanjian Antara KEMAS Dan Yayasan Pahang bagi melaksanakan Program TABIKA Pra Tahfiz KEMAS.
26. Patik pacal-pacal sekalian mendoakan hadrat Allah S.W.T semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa dilimpahi rahmat, kesejahteraan, kebahagiaan, aman

sentosa, sihat walafiat, dilanjutkan usia serta kekal karar memerintah atas singgahsana takhta Kerajaan Malaysia yang tercinta.

27. Patik menyusun sepuluh jari mohon ampun dan maaf andai ada silap dan salah dalam tutur kata patik sewaktu menyampaikan persembahan ucapan aluan yang tidak seberapanya ini.

Ampun tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.

**Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamuaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**